


UPM antara 100 terbaik dunia



Bidang Pertanian dan Perhutanan serta Pendidikan di UPM diiktiraf sebagai 100 terbaik dunia.

SERDANG – Bidang Pertanian dan Perhutanan serta Pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM) diiktiraf sebagai 100 terbaik dunia mengatasi lebih 2,000 universiti lain.

Menurut penarafan terbaru QS World University Rankings 2013/14, bidang Pertanian dan Perhutanan UPM berkongsi kedudukan 51 ke 100 dengan universiti Asia lain iaitu Tokyo University of Agriculture and Technology, Jepun; Zhejiang University, China; National Taiwan University, Kyushu University, Japan; Korea University, Korea Selatan dan Chiang Mai University, Thailand.

Sebanyak tujuh universiti Asia mendapat kedudukan 50 terbaik bidang Pertanian dan Perhutanan dengan Jepun

memonopoli melalui lima universiti-nya iaitu Kyoto University (tempat 17), The University of Tokyo (19), Hokkaido University (35), Tohoku University (36) dan Nagoya University (48).

Negara lain ialah Kasetsart University, Thailand (33) dan Seoul National University, Korea Selatan (43).

Sementara itu dalam bidang pendidikan pula, UPM turut berkongsi kedudukan 51 ke 100 dengan tiga universiti Asia lain iaitu Universiti Malaya, Malaysia; Beijing Normal University dan Peking University, China dan Seoul National University, Korea Selatan.

Empat universiti Asia lain dalam kelompok 50 terbaik bidang pendidikan ialah University of Hong Kong Nanyang

Technological University, Singapura; Chinese University of Hong Kong; dan National Taiwan Normal University.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan ketika mengulas berkata, pencapaian yang disumbangkan oleh Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan, Fakulti Perubatan Veterinar dan Fakulti Pengajian Pendidikan serta institut UPM yang menyokong bidang itu menunjukkan UPM berjaya membangunkan reputasi antarabangsa untuk standard akademik dan kualiti graduan.

“Peningkatan prestasi fakulti dan institut bidang itu di UPM dalam aspek pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan jaringan antarabangsa dan kebangsaan turut membantu ranking,” katanya.